

Maut dihempap pokok tumbang

Kejadian di Kuala Lumpur itu turut jejaskan 17 kenderaan dan landasan monorel

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**
KUALA LUMPUR



Seorang maut sementara seorang lagi cedera dalam insiden pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail pada Selasa.

Pusat gerakan operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur memaklumkan menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian pada jam 2.19 petang.

Penolong Pengarah Operasi JBPM Kuala Lumpur, M Fatta M Amin berkata, insiden turut menyebabkan sebanyak 17 kenderaan dan landasan monorel terjejas.

Menurutnya, seramai dua mangsa yang terperangkap dalam insiden berjaya dikeluarkan pasukan penyelamat.

"Mangsa pertama seorang lelaki ber-

umur 47 tahun disahkan meninggal dunia oleh paramedik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

"Sementara mangsa kedua, lelaki berusia 26 tahun mengalami kecederaan telah diserahkan pasukan perubatan," katanya menerusi kenyataan pada Selasa.

Katanya, fasiliti awam iaitu perhentian bas di tepi jalan turut mengalami kerosakan susulan kejadian tersebut.

Tambahnya, seramai 27 anggota dikejarkan ke lokasi daripada Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jalan Hang Tuah, Titiwangsa, Jalan Tun Razak dan Sentul.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa memaklumkan, pokok tumbang di Jalan Sultan Ismail dikenal pasti sudah berusia lebih 50 tahun.

Beliau berkata, pemeriksaan pokok-pokok di Kuala Lumpur dilakukan secara kerap oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan pemantauan dibuat dua tahun sekali.

"Pokok yang tumbang pada Selasa itu merupakan pokok lama yang berada di bawah pemantauan pihak swasta.

"Kita juga telah mengenal pasti banyak pokok berusia sekitar 50 sehingga



FOTO: JBPM KL

Operasi mengeluarkan mangsa oleh pasukan penyelamat di lokasi kejadian pada Selasa.

80 tahun di ibu negara yang mana pokok-pokok ini hanya menunggu masa untuk tumbang lebih-lebih lagi keadaan cuaca yang tidak menentu," katanya kepada pemberita ketika ditemui pemberita di

lokasi kejadian.

Dalam pada itu, beliau berkata, perbincangan masih dilakukan berhubung pemberian pampasan kepada mangsa-mangsa terlibat.